

**BERITA ONLINE
HARIAN EKSPRES
TARIKH : 30 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

harianekspres

Perlu tingkat inovasi bantu pengurusan bencana: PAS

Published on: Thursday, December 30, 2021

Text Size:



Foto Malay Mail untuk ilustrasi sahaja.

KINABATANGAN: Kecanggihan teknologi pada masa kini telah banyak membantu dalam operasi pengurusan bencana banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini.

Imej satelit kawasan banjir yang disediakan oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan inovasi penyerapan air banjir adalah contoh teknologi moden yang bertujuan untuk mengurangkan paras air banjir.

Dewan Pemuda PAS Negeri Sabah (DPPNS) berpendapat bahawa lebih banyak inovasi diperlukan untuk menambahbaik pengurusan bencana di negara kita.

Dalam hal ini, Pengerusi Lajnah Pengguna, Pekerja dan Alam Sekitar DPPNS, Asrul Asmat menyatakan inovasi dalam pengurusan banjir perlu dipergiatkan khasnya dalam beberapa aspek seperti digitalisasi pengurusan data di Pusat Pemindahan Sementara serta peralatan yang digunakan semasa dan selepas bencana.

“Inovasi teknologi ini juga perlu dalam menguruskan bahan buangan untuk mengurangkan risiko bencana sekaligus memelihara alam sekitar,” ujar beliau dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambahnya lagi, penyertaan program seperti MyHackathon yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi perlu diperluaskan dan disasarkan kepada badan kerajaan dan swasta yang sesuai seperti institusi pendidikan dan pusat latihan kemahiran.

“Program ini bertujuan untuk mengetengahkan idea yang lebih bernas serta produk inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat malaysia sekaligus membudayakan inovasi itu sendiri,” katanya.